

**Keamanan Bukti Kuasa Kesederhanaan Dalam Masyarakat Pelbagai Bangsa -  
Muhyiddin  
Bernama  
27 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Keamanan dan kemakmuran berterusan di Malaysia selepas lebih lima dekad kemerdekaan, menyerlahkan kuasa kesederhanaan dalam masyarakat pelbagai bangsa, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata negara ini berbangga dengan usaha yang dipelopori Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam menggalakkan kesederhanaan menerusi Pergerakan Kesederhanaan Global yang kini diiktiraf peringkat antarabangsa.

Beliau berkata menjadi kelaziman bagi pemimpin Barisan Nasional (BN) duduk dan menyelesaikan isu termasuk yang berpontensi mencetuskan ketegangan di negara ini, berpandukan prinsip dalam perlembagaan dan kesungguhan politik untuk bekerjasama, bertolak ansur dan berkongsi kuasa.

"Selalunya kita berupaya mengelak tercetusnya konflik, daripada menamatkan konflik yang berlaku dan dengan cara itu kita melindungi rakyat daripada ancaman keganasan dan kemusnahan," katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika berucap menutup Forum Antarabangsa Umno bertema 'Konflik dan Pendamaian dalam Politik Rakyat', di sini hari ini. Forum dua hari itu dianjurkan bersempena Perhimpunan Agung Umno 2012.

"Saya boleh katakan Barisan Nasional, yang dianggotai Umno sebagai parti komponen, memikul peranan penting dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam negara ini," kata Muhyiddin.

Mengulas lanjut, beliau berkata kemahuan untuk hidup secara aman dan harmoni dalam semangat perpaduan dan persaudaraan, membolehkan rakyat pelbagai kaum, etnik dan agama di Malaysia terus menikmati kehidupan yang aman dan harmoni.

Beliau berkata rakyat harus beringat bahawa kemahuan untuk bekerjasama dan berkongsi kuasa antara pemimpin daripada komuniti berbeza semata-mata tidak menjamin keamanan dan kestabilan yang berterusan dalam sistem politik.

Muhyiddin juga menghujahkan adalah amat penting bagi yang memegang kuasa untuk mendukung prinsip asas iaitu saling menghormati, memahami dan bersederhana dalam menangani semua isu, terutama yang sensitif seperti berkaitan kaum dan agama.

"Kesederhanaan di sini bermakna komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk berlaku adil, saksama dan bertimbang rasa ketika berurusan dengan orang lain," katanya.

Muhyiddin juga menegaskan Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat secara individu tetapi memperuntukkan hak khusus dan keistimewaan kepada komuniti etnik.

Perlembagaan berperanan sebagai panduan asas dalam memenuhi harapan pelbagai komuniti dan menyelesaikan isu yang berpotensi menjadi konflik," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711874>